

27 SEP 1998

SINGAPURA DIBERITAHU SUPAYA TEGAS DALAM HUBUNGAN DENGAN KL

SINGAPURA, 27 Sept (Bernama) -- Rakyat Singapura diberitahu supaya berdiri teguh dan tidak membiarkan diri mereka dipermainkan berhubung dengan kekeruhan hubungan dengan Malaysia, lapor akhbar Sunday Times.

Ia memetik Perdana Menteri Goh Chok Tong sebagai berkata di New York bahawa rakyat Singapura harus mengambil iktibar daripada insiden-insiden yang mencetuskan pertelingkahan dua hala. Goh kini dalam lawatan ke Amerika Syarikat.

Beliau memberitahu rakyat Singapura supaya berwaspada dan tidak menganggap bahawa pertumbuhan ekonomi akan berterusan dan bahawa hubungan hubungan baik dengan negara lain merupakan ciri yang kekal.

Goh berkata isu-isu baru-baru ini yang menimbulkan kekeruhan hubungan antara Singapura dan Malaysia adalah malang sekali dan tidak diduga.

Ini kerana apabila beliau menemui Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini, mereka telah menandatangani deklarasi bersama untuk menjalin hubungan yang kukuh berdasarkan dasar "memakmurkan jiran."

"Tetapi apa sudah berlaku? Nampaknya kita sebenarnya melakukan yang sebaliknya," kata beliau.

Goh berkata Singapura harus menganggap insiden itu sebagai sebahagian daripada hubungan dengan Malaysia kerana ada yang positif dan negatif dan dalam pada itu berusaha memupuk hubungan lebih kukuh.

-- BERNAMA

THG FAZ